

# SEMBAHYANG BINA JATI DIRI INSAN



REKTOR Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) (kiri) menyampaikan Anugerah Khidmat Masyarakat Sesi 2019 / 2020 dan Penyampaian Insentif bagi Pelajar Yang Mengharumkan Nama UNISSA 2020.

Siaran Akhbar dan Foto :  
Universiti Islam Sultan Sharif Ali

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 Mac. - Universiti Islam Sultan Sharif Ali (UNISSA) melalui Bahagian Hal Ehwal Pelajar mengadakan Majlis Sambutan Israk Mikraj 1442H / 2021M, baru-baru ini, yang diselenggarakan dengan Penyampaian Anugerah Khidmat Masyarakat Sesi 2019M / 2020M dan Penyampaian Insentif bagi Pelajar Yang Mengharumkan Nama UNISSA 2020M. Majlis tersebut diadakan di Dewan Auditorium, UNISSA. Hadir selaku tetamu kehormat, Rektor UNISSA, Dr. Haji Norarfan bin Haji Zainal. Pengisian majlis tersebut menampilkan ahli-ahli panel, terdiri daripada Mahasiswa UNISSA dalam Forum Khas, yang bertemakan 'Sembahyang Teras Kecemerlangan Umat'. Mahasiswa yang terlibat, mahasiswa Tahun 1, Muhammad Muqri bin Azman; dan mahasiswa Tahun 2, Fika Noor



AHLI panel Forum Khas, terdiri daripada mahasiswa Tahun 1, Muhammad Muqri bin Azman; dan mahasiswa Tahun 2, Fika Noor Muhammad, kedua-duanya dari Fakulti Usuluddin, manakala Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman, mahasiswa Tahun 1 dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam selaku moderator.

Muhammad, kedua-duanya dari Fakulti Usuluddin, manakala Haji Mohammad Ali Wafiuddin bin Haji Osman, mahasiswa Tahun 1 dari Fakulti Ekonomi dan Kewangan Islam pula selaku moderator.

Antara inti pati yang dapat diambil daripada forum berkenaan adalah sembahyang itu mendidik umat Islam menjadi pengurus masa yang terbaik kerana dengan mendirikan sembahyang sudah tentu akan peka terhadap penjagaan waktu, di mana jika diaplikasikan dalam kehidupan seharian pastilah akan membentuk satu umat yang berdisiplin dan cemerlang.

Sembahyang juga dapat membina jati diri seorang insan melalui keikhlasan dan kekhusyukan ketika

menunaikannya juga mendorong untuk melakukan kebaikan dan menghindar daripada kemungkaran.

Dengan itu, akan terwujudlah satu generasi yang berakhlak mulia dan cemerlang.

Tujuan majlis tersebut diadakan adalah supaya para pelajar dapat menanamkan perasaan keinsafan dalam memperingati peristiwa agung perjalanan Baginda Rasulullah Sallallahu Alaihi Wasallam.

Majlis tersebut diteruskan dengan penyampaian sijil penghargaan kepada Mahasiswa UNISSA yang terlibat dalam pertandingan di peringkat IPT, kebangsaan dan serantau juga penyampaian Anugerah Khidmat Masyarakat Sesi 2019 / 2020M, disempurnakan oleh Rektor UNISSA.

Turut hadir, Pegawai-pegawai Utama, Tenaga Akademik, pegawai dan kakitangan juga mahasiswa UNISSA.

## COVID-19 : 12 kes aktif

Siaran Akhbar : Kementerian Kesihatan  
Infografik : Bahagian Pelita Brunei

**BANDAR SERI BEGAWAN**, Rabu, 24 Mac. - Kementerian Kesihatan memaklumkan kepada orang ramai bahawa tiada kes baharu disahkan setakat 12.00 tengah hari ini, menjadikan jumlah keseluruhan kes COVID-19, di Negara Brunei Darussalam (NBD) masih kekal seramai 206 orang. Melalui Siaran Akhbar mengenai

Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, Kementerian Kesihatan juga memaklumkan bahawa setakat ini, NBD mencatatkan 322 hari kes sifar, iaitu bagi kes terakhir jangkitan tempatan COVID-19 sejak laporan terakhir dicatatkan, pada 6 Mei 2020.


Dalam pada itu, setakat ini, sebanyak 65 kes import dicatatkan, iaitu sejak kes terakhir jangkitan tempatan berkenaan dilaporkan.

Menurut Kementerian Kesihatan lagi, tinggal 12 kes aktif kini menjalani rawatan di Pusat Pengasingan Kebangsaan dan dua kes dilaporkan sembuh menjadikan jumlah keseluruhan kes yang sembuh setakat ini seramai 191 orang.

Kementerian Kesihatan turut memaklumkan mengenai Situasi Terkini Jangkitan COVID-19 di NBD, di mana seramai 622 orang sedang menjalani pengasingan diri mandatori, sementara seramai 15,338 orang menamatkan pengasingan diri mandatori sejak Mac 2020.

Seterusnya, dalam tempoh 24 jam lalu, sebanyak 296 sampel ujian virus SARS-CoV-2 dilaksanakan dan ini membawa jumlah keseluruhan ujian makmal dijalankan sejak Januari 2020 ialah sebanyak 112,613 ujian.

Untuk maklumat lanjut dan perkembangan terkini, orang ramai boleh melayari Laman Sesawang Kementerian Kesihatan, iaitu [www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) atau menghubungi Talian Nasihat Kesihatan 148 atau melalui aplikasi BruHealth.



**SIAPAKAH YANG PERLU MENGGUNAKAN PENUTUP MULUT DAN HIDUNG?**

Penutup mulut dan hidung secara amnya **tidak perlu digunakan bagi orang yang sihat.**

Gunakan penutup mulut dan hidung **JIKA** awda

- demam
- batuk
- selsema

**Cara penggunaan penutup mulut dan hidung yang betul.**

- Tutup keseluruhan mulut, hidung dan dagu dengan lapisan berwarna menghadap keluar.
- Pastikan ianya tertutup rapi dengan membentukkan kepingan logam mengikut bentuk hidung.
- Tanggalkan dengan hanya memegang tali penyangkut telinga selepas selesai memakainya.

Untuk lebih berkesan, kerap menukar penutup mulut dan hidung awda, atau jika ianya kotor atau basah.

Cuci tangan dengan air dan sabun selepas membuang penutup mulut dan hidung dengan betul.

Imbas di sini untuk keterangan lanjut

[www.moh.gov.bn](http://www.moh.gov.bn) | Facebook | Instagram | Twitter | YouTube